

Gunakan usia emas menuntut ilmu

Oleh NORILA DAUD

MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Rohani Abdul Karim menyeru agar golongan warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas meneruskan kehidupan dengan gaya hidup proaktif, produktif dan lebih cemerlang.

Selaras dengan tema Hari Warga Emas 2013, "Ilmu Dijunjung Warga Emas Disanjung", Rohani mahu golongan warga emas mengisi masa lapang mereka dengan melakukan aktiviti sosial, ekonomi dan kegiatan kebudayaan setempat selain mengikuti latihan serta melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Menurut Rohani, tahun ini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah KPWKM memberi tumpuan kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu salah satu daripada enam strategi dalam Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas yang diluluskan kerajaan pada 5 Januari tahun 2011.

Sehubungan itu, beliau berharap agar warga emas tidak menjadikan usia sebagai kekangan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi kerana tiada had usia bagi mereka yang ingin mendalami ilmu dalam sesuatu bidang yang disukai.

"Menimba ilmu tidak ada penghubungnya, maka itu warga emas yang mempunyai pengalaman luas tetapi tidak berkesempatan atau berpeluang melanjutkan pelajaran semasa bekerja menggunakan usia emas mereka menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan seperti Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan lain-lain universiti awam dan swasta.



ROHANI Abdul Karim (kiri) beramah mesra dengan wanita warga emas pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Kuching baru-baru ini.

"Dengan tahap pendidikan yang tinggi, seseorang warga emas boleh mencari rezeki dengan menjadi pensyarah, pakar motivasi, pelatih dan juga melibatkan diri dalam bidang politik, sosial dan ekonomi tanah air. Tiada yang lebih penting dalam kehidupan kita selain daripada menjadi insan yang berilmu dan seterusnya menggunakan ilmu yang diperoleh untuk kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Pembelajaran Sepanjang Hayat kata-

nya, adalah penting bagi mengelakkan golongan warga emas dipinggirkan di zaman teknologi maklumat terkini. Dengan pendekatan itu juga warga emas boleh menguasai kemahiran baharu dan seterusnya menggunakannya dalam kerjaya yang mereka ceburi.

Dasar ini juga menurut Rohani bertujuan membolehkan warga emas terus menyumbang kepada negara mengikut keperluan semasa yang mementingkan ilmu berasaskan teknologi canggih.

Bagaimanapun kata Rohani, Pembelajaran Sepanjang Hayat ini memerlukan

semua pihak bekerjasama untuk menjayakannya seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi-agensi kerajaan dan pihak majikan tempatan berkaitan usia persaraan bagi seorang kakitangan perkhidmatan awam dinaikkan kepada 60 tahun mulai bulan Julai tahun 2013 manakala bagi sesetengah syarikat swasta pada bulan Januari tahun 2014.

Sebelum ini ujarnya, kakitangan perkhidmatan awam bersara wajib pada usia 58 tahun manakala kakitangan sektor swasta 55 tahun.



KUMPULAN Gamelan U3A membuat persembahan pada Karnival U3A 2013 sempena menyambut Hari Warga Emas Kebangsaan, di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini.



PARA peserta tekun mendengar ceramah pada Karnival U3A di UPM baru-baru ini.